



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**17 Mac 2021**  
**3 Syaban 1442h**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>• CAP gesa siasat Kuala Sungai Pinang tercemar</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>• Zoo gamit kaki pancing</li><li>• Sambutan menggalakkan</li><li>• Isu dah melarat 2 dekad</li><li>• Angka minyak kemusnahan pokok bakau di Tanjung Tuan makin ketara</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kedah wujudkan Lembaga Pelabuhan</li><li>• Temakan udang didakwa punca pencemaran sungai</li></ul>
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU				21	17/03/2021
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY					
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI					
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL					

# CAP gesa siasat Kuala Sungai Pinang tercemar

**Balik Pulau:** Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan negeri, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perikanan menyasiasat punca serta mengambil tindakan bagi menangani pencemaran sungai di Kuala Sungai Pinang di sini.

Ia berikutan tiada tindakan berkesan diambil walaupun nelayan sudah beberapa kali membuat aduan kepada pihak berkaitan.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, berkata masalah sejak lebih 20 tahun lalu itu dipercayai berpunca daripada aktiviti ternakan udang yang memusnahkan beratus hektar hutan bakau di kawasan berkenaan yang difahamkan memberi kesan dan menjejaskan pendapatan kira-kira 300 nelayan di kawasan terbabit.

"Sisa kolam dibuang ke dalam saliran, sungai serta laut berhampiran menyebabkan nelayan bimbang sumber pendapatan mereka merosot teruk akibat pencemaran di kawasan itu.

"Sebelum ini, mereka memperoleh pendapatan



**Kuala Sungai Pinang didakwa tercemar lebih 20 tahun akibat sisa buangan daripada aktiviti ternakan udang.** (Foto ihsan CAP)

RM200 sehari, tetapi sekarang hanya tinggal RM30 hingga RM70 sehari," katanya menerusi kenyataan di sini, semalam.

Mohideen berkata, tempat hidupan laut membiak sudah terancam, manakala ikan dan udang yang menjadi sumber tangkapan utama nelayan di situ juga semakin pupus dan selain mencemarkan, ia menyebabkan saliran di kawasan itu menjadi cetek akibat mendapan sisa dan bahan terbabit.

"CAP kesal dengan sikap pihak berwajib tidak memberi perhatian sewajarnya terhadap pencemaran serta membiarkan sumber perikanan dan nelayan di sini terus menjadi mangsa.

"Jika masalah ini tidak ditangani dengan berkesan, alam sekitar di kawasan itu akan tercemar dengan lebih serius, malah nelayan yang bergantung hidup kepada hasil sungai dan laut akan putus mata pencarian," katanya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			31	17/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

**HARIAN METRO**  
RABU 17 MAC 2021

**HARIAN METRO** | 31



# NUANSA

## ZOO GAMIT KAKI PANCING

Tasik Tunku Abdul Rahman kini dibuka dengan kehadiran pelbagai spesies ikan yang menanti pemancing

**FOKUS**  
Dato' Pahlawan Awam dan Menteri Pertanian dan Negeri Semarak, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, beramah mesra dengan penduduk setempat di Tasik Tunku Abdul Rahman semasa lawatan ke Tasik Tunku Abdul Rahman semalam.

**Zoo** Pemancing di Tasik Tunku Abdul Rahman kini dibuka dengan kehadiran pelbagai spesies ikan yang menanti pemancing. Tasik Tunku Abdul Rahman kini dibuka dengan kehadiran pelbagai spesies ikan yang menanti pemancing. Tasik Tunku Abdul Rahman kini dibuka dengan kehadiran pelbagai spesies ikan yang menanti pemancing.

**bandar daripada kaki pancing** sekitar Lembah Klang. Tasik Tunku Abdul Rahman kini dibuka dengan kehadiran pelbagai spesies ikan yang menanti pemancing.

**gembira** apabila Tasik Tunku Abdul Rahman kini dibuka dengan kehadiran pelbagai spesies ikan yang menanti pemancing.

32

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH			
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR				32	17/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN					
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

# SAMBUTAN MENGGALAKKAN

Semua hasil tangkapan boleh dibawa pulang kecuali ikan temoleh

DAIYU MUDA

Isu pemuliharaan alam sekitar dan keselamatan pengguna telah menjadi fokus utama dalam laporan ini. Hal ini kerana pengangkutan dan keselamatan pengguna adalah aspek yang paling penting dalam laporan ini.

Ketua Menteri telah mengumumkan bahawa semua hasil tangkapan boleh dibawa pulang kecuali ikan temoleh. Ini adalah langkah yang sangat penting untuk memastikan keselamatan pengguna.

Pada 17 Mac 2021, Menteri Alam Sekitar dan Air telah mengumumkan bahawa semua hasil tangkapan boleh dibawa pulang kecuali ikan temoleh.

Ini adalah langkah yang sangat penting untuk memastikan keselamatan pengguna. Semua hasil tangkapan boleh dibawa pulang kecuali ikan temoleh.

Ini adalah langkah yang sangat penting untuk memastikan keselamatan pengguna. Semua hasil tangkapan boleh dibawa pulang kecuali ikan temoleh.

Ini adalah langkah yang sangat penting untuk memastikan keselamatan pengguna. Semua hasil tangkapan boleh dibawa pulang kecuali ikan temoleh.

Ini adalah langkah yang sangat penting untuk memastikan keselamatan pengguna. Semua hasil tangkapan boleh dibawa pulang kecuali ikan temoleh.

Ini adalah langkah yang sangat penting untuk memastikan keselamatan pengguna. Semua hasil tangkapan boleh dibawa pulang kecuali ikan temoleh.

Ini adalah langkah yang sangat penting untuk memastikan keselamatan pengguna. Semua hasil tangkapan boleh dibawa pulang kecuali ikan temoleh.

Ini adalah langkah yang sangat penting untuk memastikan keselamatan pengguna. Semua hasil tangkapan boleh dibawa pulang kecuali ikan temoleh.

Ini adalah langkah yang sangat penting untuk memastikan keselamatan pengguna. Semua hasil tangkapan boleh dibawa pulang kecuali ikan temoleh.



Lebih istimewa, semua ikan yang ditangkap tidak kira saiz kecuali temoleh adalah nak pemancing dan boleh dibawa pulang  
**ROSLY**



pengunjung sahaja seiring SOP yang ditetapkan. Ini adalah langkah yang sangat penting untuk memastikan keselamatan pengguna.

Antara peraratan yang perlu dipatuhi: Semua ikan yang ditangkap hendaklah dimasukkan ke dalam plastik. Ditentang menjual, maklumat ini adalah untuk maklumat sahaja.

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO /	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			19	17/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Oleh Zuhainy Zulkifli  
am@hmetro.com.my

**Balik Pulau**

**PENCEMARAN SUNGAI DI KUALA SUNGAI PINANG**

**Isu dah melarat 2 dekad**

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan negeri, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perikanan meniasat punca serta mengambil tindakan bagi menangani pencemaran sungai di Kuala Sungai Pinang, di sini.

ta berikutan tiada tindakan berkesan diambil walaupun nelayan sudah beberapa kali membar aduan kepada pihak berkaitan.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, masalah yang berlaku sejak lebih 20 tahun lalu itu dipercayai berpunca daripada aktiviti ternakan udang yang memusnahkan ratusan hektar hutan bakau di kawasan berkenaan.

Pihaknya difahamkan bahawa masalah itu memberi kesan dan menjejaskan pendapatan 300 nelayan di kawasan terbabit.

"Sisa kolam dibuang ke dalam saluran sungai serta laut berhampiran menyebabkan nelayan membongk sumber pendapatan mereka merosot teruk akibat pencemaran yang berlaku di kawasan itu ketika ini.

"Sebelum ini, mereka



PENCEMARAN menyebabkan saluran menjadi cetek, kotor dan menjejaskan pendapatan 300 nelayan.



menperoleh pendapatan mencecah RM200 sehari tetapi sekarang hanya tinggal RM130 hingga RM160 sahaja sehari," katanya.

Mohideen berkata, tempoi hidupan laut membiak terencam manakala ikan dan udang menjadi sumber tangkapan utama nelayan di situ juga semakin pupus.

Katanya, selain mencemarkan, ia menyebabkan saluran di kawasan itu menjadi cetek akibat mendapan sisa dan bahan terbabit.

"CAP kesal dengan sikap pihak berwajib kerana tidak memberi perhatian sewajarnya terhadap ancaman pencemaran yang berlaku serta membiarkan sumber perikanan dan nelayan di sini terus menjadi mangsa.

"Jika masalah ini tidak ditangani dengan berkesan, alam sekitar di kawasan itu akan tercemar dengan lebih serius lagi pada masa akan datang," katanya.

CAP turut membantah keras jika terdapat rancangan baharu oleh mana-mana pihak bagi meneroka hutan paya bakau di kawasan ini untuk melaksanakan projek ternakan udang.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			7	17/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

Oleh Mohd Amin Jalil  
am@hmetro.com.my

### Seremban

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNS) mengakui berlaku kemusnahan pokok bakau yang serius di kawasan sekitar Tanjung Tuan dekat Port Dickson disebabkan tumpahan minyak dan projek pembangunan.

Pengarahnya, Saleh Awaludin berkata, peratusan kemusnahan pokok bakau di kawasan itu dan sekitarnya amat ketara sejak 10 ke 15 tahun kebelakangan ini berbanding sebelum itu.

Katanya, walaupun ia lebih memihak kepada kawasan sebelah Melaka, tetapi turut terkena tempas bagi kawasan Negeri Sembilan khususnya di sebahagian kawasan di Port Dickson.

"Jika dilihat sekitar 10 ke 15 tahun kebelakangan ini tahap kemusnahan pokok bakau di kawasan persekitaran Tanjung Tuan dan sekitarnya begitu ketara.

"Akibat daripada itu, habitat dan ekologi hidupan marin seperti siput, kerang, ikan, siput, ketam nipah, udang dan lokan semakin berkurangan dan pupus kerana sukar membiak manakala haiwan lain tidak dapat bernaung kerana kawasan habitat yang terjejas.

"Kami (JPNS) memandang serius terhadap kemusnahan yang berlaku dan sentiasa berusaha memulihara dan memulihkan pokok bakau sedia ada termasuk menanam pokok yang

# Angkara minyak

## Kemusnahan pokok bakau di Tanjung Tuan makin ketara



ABDUL Ghafar (tujuh dari kiri) mendengar taklimat ringkas oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Keselamatan Sekuriti dan Alam Sekitar Jabatan Laut, Mohd Fairoz Rozali pada Lawatan Kerja ke Pantal Cermin di Tanjung Tuan, semalam.



POKOK bakau terjejas ekoran pencemaran akibat tumpahan minyak di perairan Tanjung Tuan.

baharu di persisiran pantai peranginan itu serta kawasan sekitar.

"Usaha itu, bagi memastikan keadaan di situ terpelihara untuk kepentingan habitat serta hidupan marin," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai langkah kerajaan negeri Melaka menangguhkan rancangan menanam semula pokok bakau seluas 1.2 hektar di Hutan Simpan Kekal Tanjung Tuan, dekat Port Dickson yang terjejas teruk akibat kesan tumpahan minyak.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar Melaka, Datuk Seri Abd Ghafaar Atan dilaporkan berkata, penanaman semula tidak akan berhasil kerana kesan tumpahan minyak di kawasan berkenaan dikatakan sudah meresap jauh ke dalam bumi.

Mengulas lanjut, Saleh berkata, pihaknya dengan kerjasama kerajaan negeri melaksanakan projek menanam pokok bakau di kawasan pesisiran pantai Negeri Sembilan itu dilakukan sepanjang tahun.

Beliau berkata, pemuliharaan pokok bakau amat penting bukan sahaja kepada habitat hidupan marin tetapi juga sebagai benteng penahan hakisan terhadap sungai dan pantai.

"Justeru, usaha memulihara bakau di Sungai Linggi turut diberikan perhatian kerana sungai itu menjadi sumber pendapatan nelayan kecil dan mereka yang meminati aktiviti memancing," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			11	17/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL				

# Kerajaan negeri cadang Pulau Bunting di Yan pelopori industri minyak dan gas Kedah wujudkan Lembaga Pelabuhan

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

ALOR SETAR - Kedah akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan pihak berkuasa pelabuhan di negeri ini, bagi mengawal selia urusan pengangkutan laut, pelabuhan dan jeti.

Menyebut Menteri Besar Kedah Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, penubuhan Lembaga Pelabuhan Kedah itu diyakini mampu membantu menyelaras semua aktiviti melibatkan agensi-agensi berkaitan aktiviti perairan di negeri ini.

"Pada masa ini sebarang urusan atau cukai dikutip oleh Penang Port sebagai agensi yang mengawal pelabuhan di utara Semenanjung Tanah air. Jadi apa salahnya kalau kuasa ini diberi kepada Kedah?"

"Tambahan pula dengan isu



PENGKALAN haram yang digunakan oleh penyeludup bagi memuluskan kegiatan penyeludupan di Kuala Perlis.

dibangkitkan Kosmo! mengenai penyeludupan melalui jeti haram, saya rasa perlu satu pihak yang dapat menyelaraskan se-

mula urusan aktiviti di jeti-jeti ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan muka



KERATAN Kosmo! semalam.

depan Kosmo! kelmarin yang mendedahkan mengenai penggunaan jeti haram sebagai lautan seludup di negeri ini dan Perlis.

Terdahulu, Muhammad Sanusi melancarkan filem *The Puppet Master Trilogy* di Dewan Seri Mentaloon, di sini kelmarin.

Hadir sama isterinya, Jusmaailani Jusoh; Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas), Zakaria Abdul Hamid serta Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Finas, Ahmad Idham Ahmad Nadzari.

Katanya, kewujudan lembaga

itu membolehkan kerajaan negeri menjalankan kerjasama dengan agensi bertanggungjawab seperti Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut.

Beliau menambah, penubuhan Lembaga Pelabuhan Kedah itu juga seiring dengan perancangan kerajaan negeri untuk mewujudkan pelabuhan di Yan yang turut melibatkan industri minyak dan gas.

"Berhampiran Pulau Bunting di Yan, akan wujud industri yang membolehkan pemindahan gas dilaksanakan secara kapal ke kapal (ship to ship).

"Dengan perkembangan itu, memang perlu kita wujudkan pihak berkuasa pelabuhan di negeri ini. Apatah lagi negeri ini memiliki banyak jeti termasuk di Langkawi dan sungai-sungai di Kedah," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		16	17/03/2021

## Ternakan udang didakwa punca pencemaran sungai

Oleh SAFINA RAMLI

**GEORGE TOWN** – Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa negeri Pulau Pinang, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perikanan menyiasat dengan segera masalah pencemaran di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau yang didakwa berpunca daripada aktiviti ternakan udang.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kadir berkata, pihaknya menerima aduan nelayan di Kuala Sungai Pinang yang merasa bimbang sumber pendapatan mereka merosot akibat pencemaran sungai dan laut yang berlaku di kawasan itu ketika ini.

"Masalah yang berlaku lebih 20 tahun lalu itu didakwa berpunca aktiviti ternakan udang yang membuang sisa kolam ke dalam saliran, sungai serta laut berhampiran," jelasnya.

Menurut Mohideen, jika masalah pencemaran itu tidak berlaku nelayan di situ mampu memperoleh pendapatan mencecah RM200 sehari namun pada masa ini pendapatan mereka hanya tinggal RM30 hingga RM70 sehari.

"Selain mencemarkan sungai dan laut, sisa buangan dari kolam udang ini juga telah me-



**SISA buangan didakwa daripada aktiviti ternakan udang mencemari kawasan sungai dan laut di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau semalam.**

nyebabkan saliran di kawasan itu menjadi cetek akibat mendapan bahan tersebut.

"Banyak aduan dibuat oleh nelayan-nelayan yang terlibat kepada pihak berkenaan tetapi tidak ada tindakan berkesan yang diambil," katanya.

Tambahnya, CAP kesal dengan sikap pihak berwajib kerana tidak memberi perhatian sewajarnya terhadap ancaman pencemaran yang berlaku.

"Kami bimbang jika masalah ini tidak ditangani dengan berkesan, alam sekitar di

kawasan ini akan tercemar dengan lebih serius lagi dan nelayan-nelayan yang bergantung hidup kepada hasil sungai dan laut akan putus mata pencarian.

"CAP juga membantah keras jika terdapat rancangan baharu oleh mana-mana pihak untuk meneroka hutan paya bakau di kawasan ini bagi melaksanakan perojek ternakan udang kerana ia boleh mencetuskan ancaman lebih buruk ke atas alam sekitar dan kehidupan nelayan tempatan," katanya.